

Kerajaan tidak ketepi kepentingan Melayu

SEREMBAN: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyangkal dakwaan pembangkang kononnya kerajaan yang ditadbirnya mengetepikan kepentingan dan hak orang Melayu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak pernah mengkhianati kepentingan orang Melayu sebaliknya terus mempertahankannya menerusi tindakan lebih teratur dan telus.

“Apa saya khianat orang Melayu? Bahasa Melayu, hak keistimewaan orang Melayu? Projek untuk Melayu kami pertahankan. Jana Wibawa untuk orang Melayu, kami ambil tindakan sebab apa, ia projek orang Melayu tetapi diberikan kepada Cina, projek Melayu tetapi mereka ‘sakau’ duit.

“Projek tebatan banjir, kita jimat dan laksanakan secara



ANWAR Ibrahim menurunkan tandatangan beliau untuk salah seorang pengunjung Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani Negeri Sembilan di Wisma MBS, Seremban, semalam. - UTUSAN/ MOHD SHAH JEHAN MAAMIN.

teratur, kita jimat RM2 bilion malah tambah lagi projek di Kota Tinggi dan Batu Pahat di Johor serta Sungai Golok di

Kelantan, itupun mereka kata kita zalim.

“Itu saya katakan tata kelola, jaga wang negara, jangan

sakau, jangan ambil wang itu penting, sebab kalau ambil, projek jadi kurang, rakyat tidak dapat habuan,” katanya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Sembilan dan Malaysia Madani di Wisma Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di sini, semalam.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan yang dibentuk hari ini perlu kuat dan stabil bagi memastikan ekonomi negara dapat dibangunkan.

Katanya, pelaburan besar syarikat automotif Geely dan Amazon Web Service di negara ini adalah berdasarkan keyakinan mereka terhadap kestabilan politik negara ini.

Tambahnya, ada bekas menteri mendakwa itu projek mereka tetapi Geely dan Amazon datang kerana kestabilan politik.